## 4.15.4 Kewajipan terhadap Jenazah

*Buku Teks ms. 130 – 135*

**SP 4.15.4** Menerangkan kewajipan terhadap jenazah

**4.** Huraikan bagi setiap kewajipan terhadap jenazah di bawah. TP 4

| Kewajipan | Huraian |
|---|---|
| (a) Memandikan | Perbuatan meratakan air ke seluruh anggota tubuh jenazah supaya jenazah bersih dan mulia. |
| (b) Mengapankan | Menutup seluruh tubuh jenazah dengan sekurang-kurangnya sehelai kain. |
| (c) Menyembahyangkan | Solat yang dilakukan oleh orang yang hidup kepada jenazah dengan kaifiat tertentu. |
| (d) Mengebumikan | Mengebumikan jenazah di dalam tanah mengikut kaifiat tertentu. |

**Cuba jawab** **Praktis Sumatif**, *Bhgn D, S1 (a)(i)*

KUASAI PBD FORMATIF

## 4.15.5 Adab Menziarahi Jenazah

*Buku Teks ms. 128*

**SP 4.15.5** Menerangkan adab menziarahi jenazah

KBAT

**5.** Jelaskan **tiga** adab menziarahi jenazah. TP 5 KBAT **Menilai**

(a) Mendoakan keampunan dan rahmat Allah untuk jenazah.

(b) Mengucapkan takziah kepada keluarga si mati dalam tempoh tiga hari daripada tarikh kematian.

(c) Memberi pertolongan kepada keluarga jenazah seperti menyediakan makanan untuk mereka.

IDEA CETUS

**Cuba jawab** **Praktis Sumatif**, *Bhgn D, S1 (d)*

AKTIVITI PAK-21

**6.** Lakukan aktiviti di bawah. TP 6 KBAT **Mencipta**

**AKTIVITI PAK-21**

(a) Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
(b) Guru memberikan tajuk "Amali pengurusan jenazah".
(c) Murid berbincang di dalam kumpulan tentang tajuk yang diberikan.
(d) Hasil dapatan dibentangkan dalam bentuk lakonan di hadapan kelas.

**SP 4.15.4, SP 4.15.5**

| TAHAP PENGUASAAN | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# KUASAI UASA
## PRAKTIS SUMATIF



### BAHAGIAN A

**1.** Nyatakan maksud pengurusan jenazah.
Buku Teks ms. 125
**A** Menguruskan jenazah dengan pantas dengan bantuan pihak masjid
**B** Menguruskan jenazah dengan cara tertentu mengikut ketetapan syiar
**(C)** Menguruskan jenazah dengan cara tertentu mengikut ketetapan syarak
**D** Menguruskan jenazah mengikut prosedur pihak hospital

**2.** Apakah hukum menguruskan jenazah?
Buku Teks ms. 125
**A** Fardu ain
**B** Sunat muakad
**(C)** Fardu kifayah
**D** Wajib

**3.** Berikut tindakan menghadapi orang yang sedang nazak kecuali
Buku Teks ms. 126
**(A)** menenangkan hati dan jiwanya
**B** diajarkan kalimah syahadah dengan cara yang lembut
**C** mengingatkan pesakit yang sedang nazak agar bersangka baik terhadap Allah SWT
**D** dibacakan surah Yassin di sisinya

**4.** Antara tindakan awal terhadap jenazah ialah ____________ kedua-dua mata jenazah.
Buku Teks ms. 126
**A** membuka
**B** membersihkan
**(C)** menutup
**D** mencuci

**5.** Kita tidak dibenarkan meratapi pemergian si mati dengan mengeluh, ____________ dan menyalahkan takdir Allah SWT.
Buku Teks ms. 128
**A** menyesal
**B** marah
**(C)** meraung
**D** menangis

**6.** Pilih pernyataan yang salah mengenai kewajipan terhadap jenazah.
Buku Teks ms. 130
**(A)** Menyegerakan
**B** Memandikan
**C** Mengapankan
**D** Mengebumikan

### BAHAGIAN D

**1.** (a) (i) Nyatakan **dua** kewajipan terhadap jenazah.
Buku Teks ms. 130
1. Memandikan jenazah.
2. Mengapankan jenazah.

[2 *markah*]

> Lebih afdal anak menguruskan jenazah ibu bapa yang meninggal dunia, namun segelintir masyarakat kini tidak mempunyai ilmu menguruskannya.

(ii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan hujah anda. KBAT Menganalisis

Ilmu pengurusan jenazah sering kali tidak diambil peduli oleh sebahagian masyarakat hingga apabila berlaku kematian dalam kalangan ahli keluarga, terutama kematian ibu bapa menyebabkan mereka tidak tahu untuk menguruskan jenazah terbabit. Tanpa pengetahuan mengenai pengurusan jenazah itu menyebabkan kini ramai anak-anak terpaksa menyerahkan tanggungjawab pengurusan tersebut kepada orang lain. Oleh itu, kita hendaklah berusaha mempelajari ilmu menguruskan jenazah melalui pelbagai medan seperti kursus pengurusan jenazah yang dianjurkan oleh mana-mana pihak untuk menguruskan jenazah ahli keluarga kita kelak.

[4 *markah*]


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 130 – 135

(b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Wajib | Makruh | Haram | Sunat |

(i) Hamdan mengebumikan jenazah bapanya pada waktu matahari terbit. Makruh

(ii) Murad berselawat ke atas Rasulullah SAW selepas takbir kedua ketika solat jenazah. Wajib

(iii) Syahmi mendoakan mayat sesudah takbir ketiga ketika solat jenazah. Wajib

(iv) Hasan memberi salam selepas takbir keempat ketika solat jenazah. Wajib

[4 *markah*]

Buku Teks ms. 126

(c) Tanda (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah mengenai tindakan awal terhadap jenazah.

| No. | Pernyataan | (✓) atau (✗) |
|---|---|---|
| (i) | Menutup kedua-dua mata jenazah. | ✓ |
| (ii) | Menghadapkan jenazah ke arah kiblat. | ✓ |
| (iii) | Dibacakan surah Yassin di sisinya. | ✗ |

[3 *markah*]

Buku Teks ms. 128

(d) Jelaskan **dua** adab menziarahi jenazah.

(i) Mendoakan keampunan dan rahmat Allah SWT untuk jenazah.

(ii) Membantu keluarga si mati seperti menyediakan makanan untuk mereka.

[4 *markah*]

Buku Teks ms. 132 – 135

(e) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Afdal dikafankan dengan tiga lapisan kain putih bagi jenazah (lelaki / perempuan).

(ii) Imam perlu berdiri bertentangan dengan (pinggul / kepala) bagi jenazah lelaki.

(iii) Sunat mendahulukan (kaki / kepala) jenazah ketika dihulurkan ke dalam kubur.

[3 *markah*]

Kuiz Gamifikasi

Pelajaran 16



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bidang | Fikah

# PELAJARAN 20

# Solat Sunat Tahiyatul Masjid dan Solat Sunat Hajat

KUASAI PBD FORMATIF

## 4.19.1 Maksud, Hukum dan Dalil Solat Sunat Tahiyatul Masjid

*Buku Teks ms. 181*

**SP 4.19.1** Menyatakan maksud, hukum dan dalil solat sunat tahiyatul masjid

**1.** Nyatakan maksud, hukum dan dalil tentang solat sunat tahiyatul masjid. TP 1 TP 2

**Maksud**

Solat sunat dua rakaat sebelum duduk ketika setiap kali masuk ke dalam masjid.

**Hukum**

Hukum menunaikan solat sunat tahiyatul masjid adalah sunat.

**Terjemahan dalil**

Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:
"Apabila seseorang kamu masuk ke dalam masjid hendaklah ia solat dua rakaat sebelum duduk". (Riwayat Bukhari)

**Cuba jawab** **Praktis Sumatif**, *Bhgn A, S1, S2*

KUASAI PBD FORMATIF

## 4.19.2 Maksud, Hukum dan Dalil Solat Sunat Hajat

*Buku Teks ms. 183*

**SP 4.19.2** Menyatakan maksud, hukum dan dalil solat sunat hajat

**2.** Nyatakan maksud, hukum dan dalil tentang solat sunat hajat. TP 1 TP 2

**Maksud**

Solat yang ditunaikan untuk memohon sesuatu hajat kepada Allah SWT.

**Hukum**

Hukum menunaikan solat sunat hajat adalah sunat.

**Terjemahan dalil**

"Sesiapa berwuduk dengan sempurna, kemudian melakukan solat dua rakaat dengan sempurna, Allah SWT akan mengurniakan apa-apa sahaja yang dipohon sama ada cepat ataupun lambat". (Riwayat Imam Ahmad)

**Cuba jawab** **Praktis Sumatif**, *Bhgn A, S5*

**SP 4.19.1, SP 4.19.2**

*TAHAP PENGUASAAN* 1 2 3 4 5 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUASAI PBD FORMATIF

## 4.19.3 Hikmah Menunaikan Solat Sunat Tahiyatul Masjid dan Solat Sunat Hajat

*Buku Teks ms. 182, 184*

**SP 4.19.3** Menerangkan hikmah menunaikan solat sunat tahiyatul masjid dan solat sunat hajat

ePelangi+

**3.** Jelaskan hikmah menunaikan solat sunat tahiyatul masjid dan solat sunat hajat. TP 4

ePelangi+ **Nota**
Hikmah menunaikan solat sunat tahiyatul masjid dan solat sunat hajat

**Hikmah solat sunat tahiyatul masjid**

(a) Memuliakan masjid sebagai tempat beribadat.

(b) Memupuk sifat rendah diri sebagai tetamu di rumah Allah.

(c) Melatih diri supaya beradab apabila berada di tempat-tempat mulia.

(d) Menambah pahala ketika berada di dalam masjid.

**Hikmah solat sunat hajat**

(a) Meletakkan pergantungan yang mutlak kepada Allah yang Maha Pemberi segalanya.

(b) Melatih diri agar berharap kepada pertolongan Allah ketika senang atau susah.

(c) Mendidik jiwa agar reda dengan ketentuan Allah.

(d) Memberi ketenangan kepada jiwa yang keluh kesah.

**Cuba jawab** **Praktis Sumatif**, *Bhgn D, S1(a)(i) & (e)*

**4.** Lakukan aktiviti di bawah. TP 6 KBAT Mencipta

**AKTIVITI PAK-21** — **Pembentangan (Lakonan)**

(a) Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
(b) Guru memberikan tajuk "Amali solat sunat hajat".
(c) Murid berbincang di dalam kumpulan tentang tajuk yang diberikan.
(d) Hasil dapatan dipersembahkan dalam bentuk lakonan di hadapan kelas.

AKTIVITI PAK-21

SP 4.19.3
TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# KUASAI UASA
## PRAKTIS SUMATIF



### BAHAGIAN A

1. Nyatakan maksud solat sunat tahiyatul masjid.
Buku Teks ms. 161
**A** Solat dua rakaat sebelum duduk ketika setiap kali keluar kedalam masjid
**B** Solat dua rakaat selepas duduk ketika setiap kali masuk ke dalam masjid
**(C)** Solat dua rakaat sebelum duduk ketika setiap kali masuk ke dalam masjid
**D** Solat dua rakaat sebelum berdiri ketika setiap kali masuk ke dalam masjid

2. Apakah hukum melakukan solat sunat tahiyatul masjid?
Buku Teks ms. 161
**A** Wajib
**B** Harus
**(C)** Sunat
**D** Sunat muakad

3. Waktu solat sunat tahiyatul masjid ialah setiap kali masuk ke dalam masjid, __________ duduk.
Buku Teks ms. 162
**A** selepas
**B** ketika
**C** semasa
**(D)** sebelum

4. __________ pelaksanaan solat sunat tahiyatul masjid ialah secara bersendirian.
Buku Teks ms. 162
**A** Waktu
**B** Syarat
**C** Protokol
**(D)** Cara

5. Apakah maksud solat sunat hajat?
Buku Teks ms. 163
**A** Solat yang dilaksanakan untuk melengkapkan sesuatu hajat yang tertentu
**B** Solat yang dilaksanakan untuk mendapat kejayaan dalam peperiksaan
**(C)** Solat yang dilaksanakan untuk meminta sesuatu hajat yang tertentu
**D** Solat yang dilaksanakan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT

6. Solat sunat hajat afdal dilakukan pada __________.
Buku Teks ms. 164
**A** waktu malam
**B** awal pagi
**(C)** pertengahan malam
**D** sebelum subuh

### BAHAGIAN D

1. (a) (i) Nyatakan **dua** hikmah menunaikan solat sunat tahiyatul masjid.
Buku Teks ms. 162
1. Memuliakan masjid sebagai tempat beribadat.
2. Meraih pahala ketika berada di dalam masjid.

[2 *markah*]

> Kebanyakan murid yang cemerlang dalam peperiksaan menyatakan bahawa mereka sering mengamalkan solat sunat hajat sebelum peperiksaan.

(ii) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. KBAT Menganalisis

Solat sunat hajat ialah solat yang dilaksanakan untuk meminta sesuatu hajat yang tertentu. Jadi, mereka yang bakal mengambil peperiksaan akan banyak melaksanakan solat sunat hajat bagi memohon pertolongan dari Allah SWT untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang setelah habis berusaha melalui ulang kaji, pergi ke kelas tambahan dan sebagainya. Solat sunat hajat ini juga diamalkan sebagai tanda bukti kepercayaan seorang hamba kepada Allah yang Maha Pemberi Rezeki. Oleh itu, kita hendaklah memohon pertolongan Allah dalam sesuatu perihal untuk mendapatkannya.

[4 *markah*]


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

*Buku Teks* ms. 162 – 164

(b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Wajib | Makruh | Haram | Sunat |

(i) Farhan menunaikan solat dua rakaat sebaik sahaja masuk ke dalam masjid. Sunat

(ii) Ridzuan menunaikan solat dua rakaat untuk memohon hajat agar dimurahkan rezekinya. Sunat

(iii) Tamim menunaikan solat empat rakaat untuk memohon hajat agar jirannya ditimpa kecelakaan. Haram

(iv) Haziman menunaikan solat dua rakaat untuk memohon hajat agar berterusan membaca al-Quran. Sunat

[4 *markah*]

*Buku Teks* ms. 162

(c) Tanda **(✓)** pada pernyataan yang betul dan **(✗)** pada pernyataan yang salah mengenai kaifiat menunaikan solat sunat tahiyatul masjid.

| No. | Pernyataan | (✓) atau (✗) |
|---|---|---|
| (i) | Bilangan rakaat adalah sebanyak dua rakaat. | ✓ |
| (ii) | Dilaksanakan setiap kali masuk ke dalam masjid, iaitu sebelum duduk. | ✓ |
| (iii) | Solat boleh dilaksanakan secara berjemaah. | ✗ |

[3 *markah*]

*Buku Teks* ms. 164

(d) Jelaskan **dua** hikmah menunaikan solat sunat hajat.

(i) Mendidik jiwa agar reda dengan ketentuan Allah SWT.

(ii) Memberi ketenangan kepada jiwa yang keluh kesah.

[4 *markah*]

*Buku Teks* ms. 162 – 164

(e) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Hukum menunaikan solat sunat tahiyatul masjid ialah (<u>sunat</u> / wajib).

(ii) Solat sunat tahiyatul masjid dapat melatih diri supaya (<u>beradab</u> / bongkak) ketika berada di tempat mulia.

(iii) Afdal melaksanakan solat sunat hajat pada (<u>pertengahan</u> / awal) malam.

[3 *markah*]

**Kuiz Gamifikasi**
Pelajaran 20

**Aplikasi KBAT**
Bidang Fikah



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PELAJARAN 27

# Adab Bermusafir

## KUASAI PBD FORMATIF 6.14.1 | Maksud Bermusafir

Buku Teks ms. 209

**SP 6.14.1** Menyatakan maksud bermusafir

**1.** Nyatakan maksud bermusafir dari segi bahasa dan istilah. TP 1

**Bahasa:** Keluar

**Istilah:** Seseorang yang keluar daripada kawasan bermukim menuju ke sesuatu tempat yang jaraknya melebihi dua marhala

## KUASAI PBD FORMATIF 6.14.2 | Dalil Naqli Galakan Bermusafir

Buku Teks ms. 209

**SP 6.14.2** Menyatakan dalil naqli galakan bermusafir

**2.** Tuliskan terjemahan ayat al-Quran yang menjadi dalil naqli galakan bermusafir. TP 2

Firman Allah SWT, maksudnya:
"Berjalanlah kamu di muka bumi, lalu perhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang berdosa."
(Surah al-Naml, ayat 69)

## KUASAI PBD FORMATIF 6.14.3 | Hukum Bermusafir

Buku Teks ms. 212

**SP 6.14.3** Menjelaskan hukum bermusafir

**3.** Nyatakan hukum bermusafir bagi situasi berikut. TP 3

| Hukum | Situasi |
|---|---|
| (a) Wajib | Bermusafir untuk menunaikan kewajipan apabila cukup syarat |
| (b) Sunat | Bermusafir untuk melakukan perkara sunat |
| (c) Harus | Bermusafir bagi tujuan yang diharuskan oleh syarak |
| (d) Makruh | Musafir untuk melakukan perkara yang sia-sia |
| (e) Haram | Bermusafir yang bertujuan melakukan maksiat |

Cuba jawab **Praktis Sumatif**, *Bhgn A, S2*

SP 6.14.1, SP 6.14.2, SP 6.14.3

TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUASAI PBD FORMATIF

## 6.14.4 Adab Bermusafir

Buku Teks ms. 210 – 211

**SP 6.14.4** Menerangkan adab-adab bermusafir

ePP+

**4.** Huraikan adab-adab bermusafir di bawah. TP 4 *i-Think* **Peta Buih**

ePP+ **Nota** Rukhsah bagi orang bermusafir

**Info** Musafir pada hari Jumaat

**Adab bermusafir**

- Untuk tujuan dan niat yang baik
- Tidak meninggalkan solat fardu
- Disunatkan perbanyakkan berdoa sepanjang bermusafir
- Mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga
- Menyediakan bekalan dan keperluan secukupnya

KUASAI PBD FORMATIF

## 6.14.5 Hikmah Mengamalkan Adab Bermusafir

Buku Teks ms. 213

**SP 6.14.5** Merumuskan hikmah mengamalkan adab bermusafir

**5.** Jelaskan hikmah mengamalkan adab bermusafir. TP 5

(a) Perjalanan diberkati Allah SWT.

(b) Memberi ketenangan hati.

(c) Perjalanan menjadi mudah dan lancar.

ePP+ **Nota** Kelebihan bermusafir

IDEA CETUS

**Cuba jawab** **Praktis Sumatif**, *Bhgn E, S1 (c)*

**6.** Lakukan aktiviti di bawah. TP 6 *KBAT* **Menilai**

AKTIVITI PAK-21

**Peta Minda**

(a) Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
(b) Guru memberikan tajuk “Contoh bermusafir yang diharuskan dalam Islam”.
(c) Murid berbincang di dalam kumpulan tentang tajuk yang diberikan.
(d) Hasil dapatan dipersembahkan dalam bentuk peta minda di hadapan kelas.

AKTIVITI PAK-21



SP 6.14.4, SP 6.14.5

| TAHAP PENGUASAAN | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## BAHAGIAN A

1. Antara adab bermusafir ialah menyediakan bekalan dan __________ secukupnya sebelum memulakan perjalanan.

Buku Teks ms. 210

- A makanan
- B minuman
- C pakaian
- D keperluan

2. Hukum bermusafir untuk menuntut ilmu ialah __________.

Buku Teks ms. 212

- A sunat
- B harus
- C sah
- D wajib



## BAHAGIAN E

1. (a) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

Buku Teks ms. 212

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| tujuan | tiga | doa | dua | sunat |

(i) Bermusafir hendaklah dengan tujuan dan niat yang baik.

(ii) Bermusafir memberi kelebihan seperti doa orang yang bermusafir akan dimakbulkan oleh Allah SWT.

(iii) Sunat bermusafir untuk menghubungkan silaturahim.

(iv) Perlu melantik seorang ketua jika bermusafir melebihi tiga orang.

[4 *markah*]

(b) Solat tidak boleh diabaikan walaupun ketika bermusafir.

Buku Teks ms. 211

Berikan pendapat anda berdasarkan pernyataan di atas.

Tidak ada alasan bagi orang bermusafir untuk meninggalkan solat kerana Allah telah memberi rukhsah kepada orang bermusafir untuk mengerjakan solat secara jamak dan qasar. Rukhsah ini jelas menunjukkan bahawa Allah amat kasih kepada hamba-Nya. Oleh itu, kita hendaklah menjaga adab ketika bermusafir terutama tentang ibadah solat agar hidup diberkati Allah SWT.

[4 *markah*]

(c) Jelaskan **dua** hikmah menjaga adab bermusafir.

Buku Teks ms. 213

(i) Perjalanan diberkati Allah SWT.

(ii) Memberi ketenangan hati.

[2 *markah*]

Aplikasi KBAT
Bidang Akhlak Islamiah

Kuiz Gamifikasi
Pelajaran 27



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

**Bahagian A**
[20 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

*Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bulatkan jawapan yang paling tepat.*

**1.** Lafaz syirik dianggap sebagai suatu ________ terhadap Allah SWT.
**A** penilaian
**B** hukuman
**C** perbuatan
**D** pembohongan

**2.** Nabi Isa a.s. telah menerima mukjizat untuk menyembuhkan orang yang ________ dan sopak setelah menyapu dengan tapak tangan baginda.
**A** buta
**B** sakit
**C** bisu
**D** menangis

وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ

**3.** Potongan ayat di atas menunjukkan hukum tajwid ________.
**A** mad asli
**B** mad iwad
**C** mad badal
**D** mad wajib muttasil

**4.** Salah satu cara memanfaatkan pancaindera adalah dengan memahami ayat-ayat al-Quran dan ________.
**A** kitab
**B** hadis
**C** surah
**D** pengajaran

**5.** Antara berikut, yang manakah perintah Allah SWT dalam ayat 30 hingga 31 surah an-Nuur?
I Mengabaikan solat fardu
II Menundukkan pandangan
III Menutup aurat
IV Melibatkan diri dengan aktiviti maksiat
**A** I dan II
**B** II dan III
**C** III dan IV
**D** I dan IV

**6.** Antara berikut, yang manakah kesan penghayatan fardu ain dan fardu kifayah?
I Menjadi masyarakat yang lebih bertanggungjawab
II Wujud banyak masalah jenayah
III Masyarakat akan menjadi tidak kreatif
IV Membentuk keseimbangan rohani dan jasmani
**A** I dan II
**B** II dan III
**C** III dan IV
**D** I dan IV

**7.** Membantu orang menaiki ________ juga dianggap sebagai sedekah.
**A** kuda
**B** pokok
**C** bukit
**D** kenderaan

**8.** Allah SWT berkuasa melapangkan dan ________ rezeki seseorang.
**A** melupakan
**B** merasai
**C** memudahkan
**D** menyempitkan

**9.** Antara berikut, yang manakah jenis mukjizat?
I Hissiyah
II Maknawiyah
III Pahala
IV Syurga
**A** I dan II
**B** II dan III
**C** III dan IV
**D** I dan IV

**10.** Apakah hukum mengeluarkan zakat saham bagi ahli saham?
**A** Sunat
**B** Harus
**C** Makruh
**D** Wajib


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**11.** Antara berikut, yang manakah tindakan awal terhadap jenazah?
I Menutup kedua-dua mata jenazah
II Membacakan rezeki di sisi jenazah
III Mengingatkan jenazah tentang kematian
IV Melembutkan sendi-sendi tulang
**A** I dan II
**B** II dan III
**C** III dan IV
**D** I dan IV

- Memandikan jenazah
- Mengapankan jenazah

**12.** Pernyataan di atas merujuk kepada ____________ terhadap jenazah.
**A** usaha
**B** bantuan
**C** kehidupan
**D** kewajipan

**13.** Antara berikut, yang manakah betul tentang kaifiat mengapankan jenazah?
I Jenazah lelaki dikafankan lima lapisan kain putih
II Jenazah perempuan dikafankan lima lapisan kain putih
III Jenazah lelaki dikafankan tiga lapisan kain putih
IV Jenazah perempuan dikafankan tiga lapisan kain putih
**A** I dan II
**B** II dan III
**C** III dan IV
**D** I dan IV

**14.** Apakah hukum mengeluarkan zakat fitrah selepas terbenam matahari pada hari pertama Syawal?
**A** Sunat
**B** Haram
**C** Makruh
**D** Sunat

**15.** Afdal dilaksanakan solat sunat hajat pada ____________ malam.
**A** awal
**B** hujung
**C** permulaan
**D** pertengahan

Banyak menyertai peperangan seperti Badar dan Uhud.

**16.** Pernyataan di atas merujuk kepada bukti keimanan ____________.
**A** Muaz bin Jabal
**B** Bilal bin Rabah
**C** Abdul Rahman bin Auf
**D** Khalid bin al-Walid

**17.** Antara berikut, yang manakah langkah yang diambil oleh Rasulullah SAW selepas pembukaan kota Mekah?
I Menegakkan syiar Islam
II Memaafkan kesalahan penduduk Mekah
III Perbaiki strategi berperang
IV Memohon petunjuk daripada Allah SWT
**A** I dan II
**B** II dan III
**C** III dan IV
**D** I dan IV

- Bersegera memohon maaf.
- Memulangkan hak atau barang yang diambil.

**18.** Pernyataan di atas merujuk kepada adab dan cara memohon ____________.
**A** qanaah
**B** rezeki
**C** masalah
**D** kemaafan

**19.** Sentiasa bersangka baik kepada Allah SWT merupakan salah satu cara seseorang bersyukur melalui ____________.
**A** hati
**B** lisan
**C** tindakan
**D** perbuatan

**20.** Komunikasi hendaklah menggunakan bahasa yang ____________ dan penuh hikmah.
**A** buruk
**B** sopan
**C** kasar
**D** jahat


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian B

[20 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** (a) Firman Allah SWT:

> وَٱذۡكُر رَّبَّكَ فِي نَفۡسِكَ تَضَرُّعٗا وَخِيفَةٗ وَدُونَ ٱلۡجَهۡرِ مِنَ ٱلۡقَوۡلِ بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ ٱلۡغَٰفِلِينَ ٢٠٥ إِنَّ ٱلَّذِينَ
> عِندَ رَبِّكَ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ وَيُسَبِّحُونَهُۥ وَلَهُۥ يَسۡجُدُونَ ۩ ٢٠٦
>
> (Surah al-A'raf: 205 – 206)

Ayat di atas menjelaskan tentang tuntutan berzikir.
Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| maksiat | nyaring | tenang | lalai | tinggi |

(i) Berzikir hendaklah dibaca dengan suara yang tidak nyaring.

(ii) Setiap umat Islam hendaklah mengamalkan zikir supaya tidak tergolong dalam kalangan orang yang lalai.

(iii) Zikir dapat menjauhkan seseorang daripada perbuatan maksiat.

(iv) Salah satu adab berzikir ialah berzikir dengan tenang dan khusyuk.

[4 *markah*]

(b) Terangkan **satu** adab berzikir yang disarankan dalam Islam.

Berzikir dengan penuh rendah diri.

[2 *markah*]

| |
|---|
| Salah seorang rakan anda sering berzikir walaupun ketika di dalam tandas. |

(c) Sebagai seorang rakan, bagaimanakah anda menasihati rakan anda agar dia tidak meneruskan zikir setelah masuk ke dalam tandas?

Sebagai seorang rakan, saya akan menasihati rakan saya dengan memintanya agar berhenti berzikir setelah masuk ke dalam tandas. Selain itu, saya juga akan menerangkan kepadanya tentang salah satu adab berzikir, iaitu dilarang berzikir ketika di dalam tandas. Kesimpulannya, amalan zikir sangat dituntut di dalam Islam namun tidak semua tempat atau keadaan membenarkan seseorang meneruskan berzikir.

[4 *markah*]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**2.** (a) Sabda Rasulullah SAW:

> كُلُّ سُلَامَى مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ، تَعْدِلُ بَيْنَ الإِثْنَيْنِ صَدَقَةٌ، وَتُعِيْنُ الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ، والْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ خُطْوَةٍ تَمْشِيْهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ، وَتُمِيْطُ الأَذَى عَنِ الطَّرِيْقِ صَدَقَةٌ.
>
> (Muttafaq Alaih)

Hadis di atas menerangkan tentang beberapa amalan sedekah yang digalakkan umat Islam mengamalkannya.
Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.

**Amalan sedekah yang dinyatakan dalam hadis**

- (i) Membantu orang menaiki kenderaan
- Berjalan menunaikan solat
- (ii) Mengucapkan perkataan yang baik

[2 *markah*]

(b) Jelaskan **dua** kelebihan berjalan untuk menunaikan solat.

(i) Berpeluang melaksanakan sedekah yang lain seperti menghilangkan sesuatu yang berbahaya di jalan.

(ii) Dapat mengamalkan gaya hidup sihat.

[4 *markah*]

(c) Tulis semula perkataan bergaris di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

> Kita hendaklah <u>berusaha</u> <u>mengalihkan</u> sesuatu yang <u>berbahaya</u> di jalan agar tidak <u>memudaratkan</u> orang lain.

براوسها

مڠاليهكن

بربهاي

مموضرتكن

[4 *markah*]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian C

[20 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**3.** (a) Tulis (Wajib) pada pernyataan yang menunjukkan sifat wajib bagi rasul dan (Mustahil) pada pernyataan yang menunjukkan sifat mustahil bagi rasul.

(i) Siddiq. Wajib

(ii) Khianat. Mustahil

(iii) Baladah. Mustahil

(iv) Tabligh. Wajib

[4 *markah*]

(b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Para rasul hendaklah sentiasa bersifat (palsu / benar) dalam percakapan dan perbuatan.

(ii) Kejahilan berleluasa merupakan salah satu tanda (kecil / besar) kiamat.

(iii) Rasul diutuskan bagi menyeru manusia agar (taat / ingkar) kepada Allah SWT.

(iv) Semua manusia hendaklah bersungguh-sungguh melakukan kebaikan agar mudah melalui titian (sirat / jambatan).

[4 *markah*]

(c) Nyatakan salah satu contoh qadar Allah SWT.

Allah SWT mencipta manusia yang mendiami seluruh bumi.

[2 *markah*]

Allah SWT bersifat Ar-Razaq, iaitu memberi rezeki kepada seluruh makhluk-Nya.

(d) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah usaha anda untuk mendapatkan rezeki ilmu dalam pelajaran? Huraikan.

Saya akan berusaha untuk mendapatkan rezeki ilmu dengan menuntut ilmu di sekolah secara bersungguh-sungguh supaya Allah SWT sentiasa memberikan saya ilmu yang banyak. Selain itu, saya akan melaksanakan semua tugasan sekolah yang diberikan oleh guru supaya ilmu yang saya pelajari akan menjadi berkat sekali gus memperoleh keputusan yang cemerlang dalam pelajaran. Oleh itu, kita hendaklah berusaha mencari rezeki ilmu bagi memastikan kita menjadi manusia yang berjaya di dunia dan di akhirat.

[4 *markah*]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(e) (i) Nyatakan **satu** tugas rasul.

Menyeru manusia mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata.

[2 *markah*]

Kepatuhan Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail a.s. menjadi syiar dalam ibadat korban.

(ii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda berkorban dalam kehidupan? Huraikan.

Sebagai seorang murid, saya akan berkorban dalam kehidupan dengan menghabiskan masa untuk menuntut ilmu sahaja seperti belajar bersungguh-sungguh dalam pelajaran, menghadiri majlis ilmu di luar dan sebagainya. Keadaan ini akan menyebabkan saya tidak membazirkan masa dengan perkara tidak berfaedah. Kesimpulannya, setiap manusia hendaklah berkorban sesetengah perkara dalam kehidupan bagi memperoleh kehidupan yang berkat.

[4 *markah*]

## Bahagian D

[20 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**4.** (a) (i) Senaraikan **dua** contoh perkara fardu ain.

1. Menunaikan solat lima waktu.
2. Berpuasa pada bulan Ramadan.

[2 *markah*]

Salah satu adab menziarahi jenazah adalah dengan membantu keluarga si mati seperti menyediakan makanan untuk mereka.

(ii) Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah wujud adab seperti itu? Huraikan hujah anda.

Wujudnya adab tersebut adalah untuk meringankan beban keluarga si mati daripada perlu bersusah payah menyediakan makanan kepada para tetamu yang hadir menziarahi jenazah kerana keluarga si mati sedang berada dalam fasa bersedih kehilangan orang yang tersayang. Selain itu, adab tersebut juga akan dianggap sebagai sedekah kepada keluarga si mati. Kesimpulannya, tanggungjawab untuk menyediakan makanan kepada keluarga si mati hendaklah diambil alih oleh pihak lain.

[4 *markah*]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

| Haram | Sunat | Wajib | Makruh |
|---|---|---|---|

(i) Hazirah meratapi kematian suaminya. Haram

(ii) Malik membayar zakat fitrah keluarga pada malam hari terakhir Ramadan. Wajib

(iii) Sofea memakai pakaian baharu pada pagi Hari Raya Aidilfitri. Sunat

(iv) Suria mengakhiri qiamullailnya dengan solat sunat witir. Sunat

[4 *markah*]

(c) Tanda **(✓)** pada pernyataan yang betul dan **(✗)** pada pernyataan yang salah.

| **No.** | **Pernyataan** | **(✓) atau (✗)** |
|---|---|---|
| (i) | Sunat mendahulukan kepada jenazah ketika dihulur ke dalam kubur. | ✓ |
| (ii) | Menguruskan jenazah adalah fardu kifayah. | ✓ |
| (iii) | Golongan muallaf tidak layak menerima bantuan zakat. | ✗ |

[3 *markah*]

(d) Jelaskan **dua** hikmah pensyariatan zakat terhadap pemberi.

(i) Melahirkan sifat taat kepada perintah Allah SWT.

(ii) Mendapat keredaan Allah SWT.

[4 *markah*]

(e) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Rukun khutbah hendaklah disampaikan dalam bahasa (<u>Arab</u> / Melayu).

(ii) Qiamullail hendaklah di akhiri dengan solat sunat (taubat / <u>witir</u>).

(iii) Haiwan ternakan yang dipelihara hendaklah berada di padang (<u>terbuka</u> / tertutup).

[3 *markah*]


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Bahagian E

[20 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**5.** (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

**Langkah yang diambil oleh Rasulullah SAW selepas pembukaan kota Mekah**

(i) Menegakkan syiar Islam

(ii) Amar makruf dan nahi mungkar

(iii) Menguruskan pentadbiran Mekah

[3 *markah*]

(b) Tanda (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah mengenai bukti keimanan Bilal bin Rabah.

| No. | Pernyataan | (✓) atau (✗) |
|---|---|---|
| (i) | Dilantik menjadi muazzin pertama di dalam Islam. | ✓ |
| (ii) | Antara orang terakhir yang menzahirkan Islam. | ✗ |
| (iii) | Banyak menyertai peperangan seperti Badar dan Uhud. | ✓ |

[3 *markah*]

(c) Musyrikin Mekah telah mengutuskan Suhail bin Amru untuk membuat perjanjian bersama Rasulullah SAW, iaitu Perjanjian Hudaibiyah.

Terangkan **empat** isi kandungan perjanjian tersebut.

(i) Rasulullah SAW dan para sahabat tidak boleh masuk ke Mekah pada tahun ke-6 Hijrah.

(ii) Tiada peperangan antara dua belah pihak selama 10 tahun.

(iii) Orang Mekah yang lari ke Madinah perlu dikembalikan ke Mekah.

(iv) Mana-mana kabilah yang mengikat perjanjian dengan Rasulullah SAW turut tertakluk dengan perjanjian Hudaibiyah.

[4 *markah*]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(d) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| sabar | dendam | kesalahan | salaman | haram |

(i) Memohon maaf hendaklah dengan bertemu muka dan ber<u>salaman</u>.

(ii) Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang lain bagi mengelakkan perasaan <u>dendam</u>.

(iii) Sifat qanaah dapat memupuk sifat <u>sabar</u> dan syukur.

(iv) Hukum bermusafir untuk menonton konsert liar adalah <u>haram</u>.

[4 *markah*]

> Salah satu adab berkomunikasi ialah tidak melalaikan daripada melakukan ibadat dan tanggungjawab.

(e) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda menjaga adab berkomunikasi tersebut? Huraikan.

Saya akan menjaga adab berkomunikasi tersebut dengan memastikan saya tidak melakukan aktiviti berkomunikasi pada awal waktu solat fardu supaya saya tidak terleka untuk melakukan solat pada awal waktu. Selain itu, saya juga akan pastikan melakukan komunikasi selepas melaksanakan semua tugasan yang diberikan oleh guru mahu pun ibu bapa. Oleh itu, kita hendaklah menjaga adab berkomunikasi agar tidak terlalu leka dengan dunia komunikasi sehingga terabai perkara wajib.

[4 *markah*]

(f) Jelaskan **dua** rukhsah yang diberikan kepada para musafir.

(i) Diharuskan mengqasarkan solat.

(ii) Diharuskan berbuka puasa.

[2 *markah*]



© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*